

IOQRA



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اِقْرَأْ

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

BICARA KHAS
Sempena Festival Semarak KLWBC 2020 Peringkat Kebangsaan

LIVE HD

MODERATOR:
PROF. SITI SALMA IBRAHIM
Pembantu Kanan Rector
PTAR Pulau Pinang

TAMU:
PROF. DR. MOHD NOR HASMAT
Pengerusi & Timbalan
Menteri/Projektor Misa Nasional UICB
UMPA Kuala Lumpur

MEMBACA MENINGKATKAN NILAI DIRI

22 APRIL | KHAMIS
2021 | 11:30 PAGI

m/s 9

Live@PTAR Bicara Khas Sempena Festival Semarak KLWBC 2020 Peringkat Kebangsaan: "Membaca Meningkatkan Nilai Diri"

BICARA PAKAR
Live@PTAR Sempena Peringkat Kebangsaan Festival Semarak KLWBC 2020

LIVE HD

PANEL:
PROF. DATUK DR. SHAHRHARYU AB AZIZ
Pengerusi Rector Institut Raja-Raja Melayu
UIAM Shah Alam

MODERATOR:
EMCIC
MOHD YUNUS ABU SAMAH
Timbalan Rector Institut Raja-Raja Melayu
UIAM Shah Alam

PERANAN MAJLIS RAJA-RAJA DALAM PENTADBIRAN NEGARA

23 APRIL | JUMAAT
2021 | 10:00 PAGI

Live@PTAR Bicara Pakar: "Peranan Majlis Raja-Raja Dalam Pentadbiran"

m/s 10

MAJLIS KEMUNCIAK PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT: MISI IQRA PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UTM CAWANGAN PULAU PINANG


Pelancaran Sistem Automasi Pusat Sumber-ReCes & Program NILAM 2021 Sekolah Kehangsaan Air Merah, Kulim Kedah

Profesor Dr. Salmiah Kasolang
Rector UTM Cawangan Pulau Pinang

Live Streaming: Permatang Pauh

Majlis Kemunciak Program Khidmat Masyarakat: Misi IQRA PTAR UTM Cawangan Pulau Pinang

m/s 14



m/s 17

Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit Ptar Kampus Permatang Pauh, Cawangan Pulau Pinang



World #QuranHour 2021/1442H Peringkat UITM Cawangan Perak

m/s 20

KATA ALU-ALUAN Ketua Pustakawan

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Illahi dengan izin dan limpah kurniaNya, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dapat menerbitkan e-Buletin IQRA bagi keluaran bulan April 2021. e-Buletin IQRA telah diterbitkan bagi tujuan pihak perpustakaan memuatnaik dan berkongsi maklumat mengenai aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh Perpustakaan UiTM Shah Alam dan juga di seluruh cawangan secara konsisten pada setiap bulan.



Ts. Noor Hidayat bin Adnan
Ketua Pustakawan UiTM

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah mengadakan pelbagai program ilmiah untuk pengguna perpustakaan seperti program Jom Baca Bersama 10 Minit. Program ini telah diadakan secara serentak di Perpustakaan UiTM mengikut kampus cawangan masing-masing. Antara objektif program ini ialah menggalakkan orang ramai meluangkan masa selama 10 minit untuk membaca dan secara tidak langsung dapat meningkatkan ilmu pengetahuan pembaca.

Di samping itu, sesi perkongsian ilmu dalam program bual bicara secara langsung sempena Festival Semarak KLWBC 2020 turut berjaya memberi manfaat kepada peserta. Perkongsian ini mampu meningkatkan semangat individu dalam usaha menjadi masyarakat yang bertamadun, kreatif dan cemerlang.

Program World #QuranHour juga turut diadakan sempena sambutan Hari Nuzul Al-Quran. Program ini mengajak umat Islam bertadabur surah Al-Mulk sebagai surah pilihan untuk tahun ini yang mengandungi pelbagai elemen motivasi untuk kebangkitan ummah.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pasukan jawatankuasa sidang editor kerana telah berjaya menghasilkan e-Buletin IQRA ini.

Terima Kasih

Wassalam.

Ts. Noor Hidayat Bin Adnan,
Ketua Pustakawan

SIDANG REDAKSI

IQORA'

PENASIHAT

Ts. Noor Hidayat bin Adnan

KETUA EDITOR

En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman

EDITOR

Pn. Roslah binti Laman

PENOLONG EDITOR

Cik Nor Sabariah binti Mansor

PENYELARAS

Pn. Adlina binti Abdullah

REKA BENTUK GRAFIK

Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz

WARTAWAN/WAKIL CAWANGAN

Shah Alam	: Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pn. Nik Zatihulwani Jamaludin, Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Pn. Norazlin Mohd. Yusof, Pn. Nurul Farihah Samin Panut, Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah, Pn. Noredayu Rosli, Pn. Azian Azis
Melaka	: Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah Md Aziz & Cik Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Cik Nor Azrina Kassim
Sabah	: Cik Marlia Yuming
Kedah	: Pn. Noor Azlin Abdullah
Pulau Pinang	: Pn. Rafidah Muhamad Sam, Pn. Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pn. Nurhayati Hassan
Kelantan	: En. Muslim Ismail @ Ahmad
Perak	: En. Mohd Azim Ansori, Cik. Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Pn. Hapsah Suut
Pahang	: Pn. Norfitriah Mat Seman, En. Roshairi Che Razali, En. Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah
Johor	: Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: En. Syaiful Hisyam Saleh, En. Mohd Hafiz Kasirun & Pn. Nur Rabita Rouzan
Selangor	: Pn. Nurul Diana Jasni, Pn. Nur Fatimah Muhamad, Pn. Nur Aina Amira Rasidi, Pn. Wan Rohani Wan Chin

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

KEKERAPAN KELUARAN

12 Keluaran Setiap Tahun

ISSN NO : 2735-1920

LIVE@PTAR SEGMENT BICARA BUKU
"KRISIS SETIAP DEGUP JANTUNG ADA CERITA"

PANEL JEMPUTAN
DATUK DR. ALZAMANI MOHAMMAD IDROSE
 Pakar Perunding Perubatan Kecemasan dan Trauma,
 Hospital Besar Kuala Lumpur

MODERATOR
ENCIK NORHAZLAN BIN NORDIN
 Timbalan Ketua Pustakawan
 PTAR UiTM Shah Alam

13 APRIL | SELASA
 2021 | 11:00 PAGI

Segmen Bicara Buku "Krisis Setiap Degup Jantung Ada Cerita" | Datuk Dr. Alzamani Mohammad Idrose




Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bersama Penerbit UiTM di bawah segmen Bicara Buku yang bertajuk KRISIS: Setiap Degup Jantung Ada Cerita. Program ini telah dikendalikan oleh Encik Norhazlan bin Nordin, Timbalan Ketua Pustakawan, PTAR UiTM Shah Alam bersama panel jemputan dan penulis buku, Datuk Dr. Alzamani Mohammad Idrose, Pakar Perunding Perubatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Besar Kuala Lumpur. Buku ini merupakan kisah benar yang ditulis oleh Datuk Dr. Alzamani Mohammad Idrose berdasarkan pengalaman semasa bertugas yang penuh dengan debaran. Antara pengalaman yang mendebarkan adalah letupan kereta akibat kemalangan, mayat radioaktif, pesawat yang hampir kehabisan oksigen menjadi wad rawatan rapi, berunding dengan penagih dadah, kecemasan di puncak Gunung Everest dan lain-lain situasi yang menggemparkan. Setiap kisah tersebut turut disertakan dengan pengakhiran sebagai jalan penyelesaian.

Buku ini juga ditulis dengan bahasa yang mudah difahami dan sesuai untuk semua lapisan masyarakat dari pelajar sekolah hinggalah dewasa. Harapan beliau adalah semoga pembaca dapat menerapkan nilai-nilai positif dalam kehidupan berdasarkan kisah yang dikongsi ini. Semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat, sekaligus menggalakkan amalan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Untuk menonton
semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bersama Aiman Azlan dalam segmen bicara buku. Program ini telah dikendalikan oleh Puan Siti Salwa A. Rahman, Pustakawan Kanan, selaku moderator bersama panel jemputan, Encik Aiman Azlan, Penulis buku *Unfollow The Flow* terbitan IMAN Publication. Buku *Unfollow The flow* ini diterbitkan dalam Bahasa Inggeris yang mudah dan boleh difahami oleh semua lapisan masyarakat. Dalam pada itu, panel jemputan juga mewarnai program dengan memperkenalkan diri dan latar belakang penulis, berkongsi isi kandungan buku, pandangan penulis tentang industri buku serta harapan penulis dalam penerbitan buku. Buku ini memiliki 3 tema utama yang menarik iaitu *purpose, principles dan passion*. Buku ini juga memberi mesej kepada pembaca supaya memulakan sesuatu dengan apa yang kita ada, ikut dan buat apa yang menggembirakan kita, fikir akan apa yang kita mahukan dan buat pilihan yang terbaik. Semoga perkongsian pada kali ini memberi manfaat sekaligus menggalakkan minat masyarakat membaca setiap hari.



Untuk menonton
semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung dengan kerjasama Bank Islam Berhad, bersama Encik Effezul Azran dalam segmen bicara pakar. Seperti biasa, program ini dikendalikan oleh Puan Siti Salwa A. Rahman, Pustakawan Kanan, selaku moderator bersama panel jemputan, Encik Effezul Azran Abd Maulop, Ketua Penolong Kanan Penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Sesi perkongsian ilmu pada kali ini dimulakan dengan pengenalan kepada rasuah oleh panel jemputan. Rasuah ditafsirkan kepada 4 perkara umum iaitu yang pertama pemberi dan penerima, kedua adalah suapan dalam pelbagai bentuk, ketiga adalah tujuan utama dan keempat berkaitan dengan tugas rasmi. Walaupun masyarakat sudah tahu apa itu rasuah, tetapi masih ada pihak pentadbiran yang melakukannya tanpa memikirkan kesan dan akibatnya.

Di samping itu, panel jemputan turut berkongsi tentang isu rasuah yang mana ia kerap kali berlaku di dalam sesebuah organisasi pentadbiran apabila dikendalikan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab. Hal ini sangat merisaukan pihak SPRM kerana isu rasuah ini semakin meningkat di kalangan pentadbir urus terutamanya kepada generasi muda dalam mengurus tugas di tempat kerja. Kebanyakan isu rasuah ini dilakukan oleh pihak-pihak yang memiliki kuasa dalam pentadbiran. Bukan sahaja untuk menaikkan prestasi organisasi malah ada juga yang melakukan kegiatan ini untuk menguntungkan diri sendiri.

Selaku ketua penolong kanan penguasa SPRM, beliau sangat menekankan isu rasuah dalam pentadbiran ini sebagai langkah pencegahan untuk masyarakat supaya sedar akan keburukan kegiatan rasuah ini dalam organisasi, keluarga, masyarakat dan negara.

Organisasi yang ingin membuat aduan perihal isu rasuah ini, boleh membuat laporan kepada SPRM secara atas talian di portal Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, kedua adalah dengan menggunakan telefon pintar iaitu dengan memuat naik aplikasi "MACCMobile" di Google Play (android) atau App Store (apple), atau pergi sahaja ke pejabat SPRM yang berdekatan. Setiap individu yang membuat aduan di SPRM, mereka dapat mengetahui status aduan dan akan dirahsiakan oleh pihak SPRM sebagai langkah keselamatan. Semoga perkongsian pada kali ini dapat memberi manfaat seluruh rakyat Malaysia khususnya kepada warga UITM.

APRIL 16 10.00 PAGI

PERLEMBAGAAN ADALAH UNDANG-UNDANG TERTINGGI
Masih Utuh Dan Relevan?

BUJANG BESANG
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK & KURSI INSTITUSI RAJA-RAJA MELAYU

PANEL
PROF. DATUK DR. SHAMRAHAYU AB AZIZ
Penyandang
Kursi Institut Raja-Raja Melayu
UiTM Shah Alam

MODERATOR
ENCIK MOHD YUNUS ABU SAMAH
Felo
Kursi Institut Raja-Raja Melayu
UiTM Shah Alam



Untuk menonton
semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dengan kerjasama Pejabat Kursi Institusi Raja-Raja Melayu (KIRRM) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung di bawah segmen Bicara Pakar dengan tajuk "Perlembagaan Adalah Undang-undang Tertinggi: Masih Utuh dan Relevan?". Program ini telah dikendalikan oleh Encik Mohd Yunus Abu Samah, felo di KIRRM selaku moderator bersama panel jemputan, Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Ab Aziz, Penyandang, Kursi Raja-Raja Melayu UiTM Shah Alam. Sesi perkongsian ilmu pada kali ini dimulakan dengan perkongsian oleh panel jemputan mengenai maksud perlembagaan di Malaysia. Secara dasarnya, perlembagaan adalah undang-undang iaitu suatu yang diciptakan untuk mewujudkan sebuah negara bagi menjaga kepentingan individu dan masyarakat. Di samping itu, perlembagaan juga merupakan satu dokumen yang meletakkan hak-hak atau tatacara tertentu dalam mengendalikan negara. Penonton juga didedahkan tentang sejarah permulaan perlembagaan persekutuan yang ditubuhkan di negara ini iaitu Suruhanjaya Reid yang dibentuk pada tahun 1956.

Menurut Prof. Datuk Dr Shamrahayu, sifat perlembagaan itu adalah yang tertinggi untuk menjaga kesejahteraan negara secara keseluruhannya. Bagi undang-undang yang bercanggah dengan perlembagaan negara lainya tidak sah. Di samping itu, penonton juga didedahkan tentang perlembagaan semasa darurat. Darurat adalah satu keadaan berkaitan keselamatan, ekonomi dan ketenteraman awam yang tidak dapat dikawal melalui sistem pentadbiran biasa. Sememangnya tiada undang-undang lain yang dapat mengatasi perlembagaan undang-undang yang tertinggi, tetapi sekiranya berlaku situasi luar biasa, perlembagaan akan membenarkan ia diatasi oleh undang-undang lain semasa darurat. Perlembagaan tidak boleh sewenangnyanya diatasi melainkan dalam situasi darurat.

Menurut Prof. Datuk Dr Shamrahayu lagi, utuh itu bermaksud kukuh di mana dalam membentuk negara yang berperlembagaan ia perlu memiliki sokongan dari tunjang atau tiang yang kukuh misalnya institusi beraja, Bahasa Melayu dan kedudukan khas bagi orang-orang melayu. Manakala relevan pula adalah perkara yang diterima pakai sehingga hari ini dan ia merupakan perkara dasar dalam perlembagaan. Dalam konteks ini, untuk menunjukkan sebuah perlembagaan itu bersifat relevan, ia perlu dipinda supaya sentiasa bersesuaian pada setiap masa. Perlembagaan adalah yang tertinggi ini perlu sentiasa bersifat utuh dan relevan dalam membentuk negara yang bersepadu dan sejahtera dan sekaligus dapat menjaga kepentingan masyarakat dan institusi di Malaysia. Semoga perkongsian pada kali ini dapat memberi manfaat seluruh rakyat Malaysia khususnya kepada warga UiTM.



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM dengan kerjasama Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka telah menganjurkan Program Library Outreach@PTAR, di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka secara atas talian pada 22 April 2021, dari 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Program tersebut disertai oleh 38 peserta dari staf Akademik dan 6 orang penceramah dari Perpustakaan Tun Abdul Razak. Program Library Outreach@PTAR ini dianjurkan ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai peranan dan tanggungjawab Pegawai Perhubungan Perpustakaan, memberi penerangan mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan kepada warga Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka. Antara aktiviti menarik Program Library Outreach @PTAR adalah Penerangan Program library Outreach, PTAR Intellectual Discourse, Jom Baca 10 Minit dan juga Pameran ebook secara maya.

Aktiviti Program dimulakan dengan penerangan dan pendedahan ringkas tentang Program Library Outreach@PTAR yang disampaikan oleh Puan Adlina Abdullah, Pustakawan Kanan. Seterusnya, diikuti dengan program PTAR Intellectual Discourse yang merupakan taklimat perpustakaan berdasarkan 5 Modul Library Outreach. Modul LOP 100: Proses Cadangan Pembelian Bahan Perpustakaan menggunakan Sistem WILS oleh Puan Adlina Abdullah, Pustakawan Kanan, Modul LOP 100 ini disertai juga dengan demonstrasi cadangan pembelian buku menggunakan sistem WILS-melalui OPAC, Puan Adlina, selaku Pegawai Perhubungan Perpustakaan bagi Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka juga turut memberi taklimat PTAR Intellectual Discourse, LOP101 Repositori Universiti (Dasar Penyerahan Bahan Harta Intelek UiTM/Pemilikan Bahan Silibus & PTAR Public Repository. Modul 102 Pengurusan Rekod Universiti telah disampaikan oleh Encik Abdul Razak Bin Abdul Rahman, Pustakawan Kanan. Seterusnya, Modul 103 Sokongan Penyelidikan oleh Encik Mohd Ismail bin Abidin, Timbalan Ketua Pustakawan. Modul terakhir iaitu Modul LOP104: Perpustakaan Digital PTAR/Perkhidmatan dan Kemudahan oleh Tuan. Hj. Ahmad Faizar, Pustakawan Kanan.

Para peserta turut disajikan dengan Pameran eBook Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka secara maya. Peserta boleh memuat turun ebook pilihan yang dipamerkan. Para peserta juga turut berpeluang menyertai Program Jom Baca 10 minit. Para peserta dilihat menyokong program Jom baca yang diadakan di seluruh IPTA Malaysia tepat. Jam 11 pagi. Program Jom baca 10 minit adalah antara program galakan membaca yang dianjurkan. Antara maklumbalas yang diterima sepanjang Program Library Outreach@PTAR ini berlangsung adalah pihak fakulti menerima baik Program Library Outreach@PTAR yang dianjurkan. Peserta mencadangkan supaya penerangan secara face to face atau bengkel dijalankan susulan dari program Library Outreach, ia adalah bertujuan supaya penerangan tentang perkhidmatan perpustakaan lebih terperinci dan jelas. Dokumentasi pameran eBook juga perlu diadakan secara maya atau secara fizikal. Peserta juga memerlukan senarai koordinator PRISMA sebagai rujukan. Program Library Outreach ini diharap bukan sahaja dapat memberi pendedahan kepada peserta tentang perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Perpustakaan UiTM, malah dapat meningkatkan penggunaan perkhidmatan digital perpustakaan di kalangan warga fakulti.



BICARA KHAS
Sempena Festival Semarak KLWBC 2020 Peringkat Kebangsaan

Moderator:
PUAN SITI SALWA A. RAHMAN
Pustakawan Kanan
PTAR SHAH ALAM

Penasih:
PROFESOR MADYA TS. DR. MOHD NOR MAMAT
Programma Riset
Statistik Bioproses dan Bioproses UMS
87400 Kuala Lumpur

MEMBACA MENINGKATKAN NILAI DIRI

22 APRIL KHAMIS
2021 11:30 PAGI

2021
LIVE

Penafian: Program ini adalah bagi tujuan pembudayaan ilmu sahaja, bukan

SAJIAN MINDA DARI KARYA BESTARI

Perkongsian Amalan Membaca

Buku merupakan diri saya bersama membaca menjadi jambatan bertukar bila menulis buku dan gharah baru agar sentiasa cergas dan bersemangat.

4 tempat hari 7 hari 2021
Bulan (Kalendar Open 2021)

Perkongsian Amalan Membaca
4-5 jam setiap hari

Penafian: Program ini adalah bagi tujuan Layari Perkhidmatan digital Perpustakaan UTM | <https://library.utm.edu.my>

Untuk menonton
semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung yang telah dikendalikan oleh Puan Siti Salwa A. Rahman, Pustakawan Kanan, selaku moderator bersama panel jemputan, Profesor Madya Ts Dr. Mohd Nor Mamat sempena Festival Semarak KLWBC 2020 Peringkat Kebangsaan dengan tajuk "Membaca Meningkatkan Nilai Diri". Panel jemputan berbesar hati berkongsi tentang amalan membaca yang dapat meningkatkan ketamadunan seseorang. Tujuan program ini adalah untuk mengajak para penonton mencintai ilmu dengan menjadikan amalan membaca sebagai budaya dalam hidup seseorang.

Menurut Profesor Madya Ts Dr. Mohd Nor Mamat, antara kebaikan membudayakan amalan membaca ialah dapat menambah ilmu dan maklumat. Kedua, membaca sebagai terapi dan senaman minda. Ketiga, seseorang akan menjadi lebih bijak, lebih kreatif dan lebih cemerlang. Keempat, dapat mengelakkan diri daripada ditipu orang sekeliling serta lebih disegani dan dihormati.

Amalan membaca merupakan amalan yang sangat baik yang mana ia dapat memberi keyakinan dalam diri seseorang sekaligus dapat meningkatkan nilai diri. Semoga perkongsian pada kali ini dapat memberi manfaat, sekali gus membudayakan amalan membaca dalam kalangan masyarakat.



Untuk menonton
 semula:



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dengan kerjasama Pejabat Kursi Institusi Raja-Raja Melayu (KIRRM) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung di bawah segmen Bicara Pakar dengan tajuk "Peranan Majlis Raja-Raja Dalam Pentadbiran Negara". Program ini telah dikendalikan oleh Encik Mohd Yunus Abu Samah, felo di KIRRM selaku moderator bersama panel jemputan, Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Ab Aziz, Penyandang, Kursi Raja-Raja Melayu UiTM Shah Alam. Sesi perkongsian ilmu pada kali ini dimulakan dengan perkongsian oleh panel jemputan mengenai majlis raja-raja di Malaysia. Majlis Raja-raja ditubuhkan secara formalnya dalam tahun 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu diwujudkan. Menurut Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Ab Aziz, kedudukan majlis raja-raja dalam pentadbiran negara Malaysia adalah di bawah Yang di-Pertuan Agong. Di bawah majlis raja-raja terdapat 3 institusi utama yang terlibat iaitu Eksekutif, Badan Perundangan dan Badan Kehakiman. Dalam pemerintahan, badan eksekutif berperanan sebagai pelaksana undang-undang yang dilakukan, manakala badan perundangan pula sebagai penggubal undang-undang tertentu dan sekiranya berlaku pertikaian lainya akan dirujuk kepada badan kehakiman.

Majlis raja-raja berperanan sebagai memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi Persekutuan mengikut peruntukan - peruntukan Jadual Ketiga dalam perlembagaan persekutuan, yang berlaku 5 tahun sekali. Kedua, mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara ugama meliputi seluruh Persekutuan. Ketiga, mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa undang-undang dan membuat atau memberi nasihat mengenai apa-apa pelantikan yang menurut Perlembagaan ini memerlukan persetujuan Majlis Raja-raja atau yang dikehendaki dibuat oleh atau selepas berunding dengan Majlis Raja-raja. Keempat, melantik anggota Mahkamah Khas di bawah Fasal (1) Perkara 182. Kelima, memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum, atau meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman, di bawah Fasal (12) Perkara 42. Pada akhir program, panel jemputan menyeru kepada semua pihak untuk bersama memastikan peruntukan perlembagaan dilaksanakan supaya boleh digunapakai bagi mencapai aspirasi kewujudan institusi majlis raja-raja. Semoga perkongsian pada kali ini dapat memberi manfaat seluruh rakyat Malaysia khususnya kepada warga UiTM.



14 Ramadhan 1442H / 26 April 2021M (Isnin), PTAR Kampus Seremban telah menjalankan program perkongsian secara atas talian bertajuk *Sharing Session: Smartphone for Workplace*. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan berkaitan kepentingan penggunaan telefon pintar di tempat kerja agar dapat diimpikasikan oleh warga UITM.

Panel jemputan untuk program kali ini adalah En. Wan Mohd Fazlie bin W. Samsudin, beliau bertugas sebagai Pereka, Penerbit di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Moderator pula adalah En. Syaiful Hisyam bin Saleh, Pustakawan. Program ini menggunakan medium Cisco Webex bersesuaian dengan saranan universiti bagi mengadakan webinar secara atas talian bagi menghalang penularan virus COVID-19.

Secara keseluruhannya, program ini telah memberikan pendedahan berkaitan teknik, kaedah dan kepentingan penggunaan telefon pintar di kalangan pekerja sama ada di kalangan staf pentadbiran dan staf akademik.

SHARING SESSION

26hb April 2021
10.00 pg
PLATFORM
webex

SMARTPHONE FOR WORKPLACE


TERBUKA KEPADA SEMUA WARGA
UITM CAW. NEGERI SEMBILAN


PANEL
EN. WAN MOHD FAZLIE W. SAMUDIN
PEREKA, PENERBIT
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
(UNISZA)

MODERATOR
EN. SYAIFUL
HISYAM SALEH
PUSTAKAWAN

STAY CONNECTED
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

UITM, PTAR, Library@UITM, facebook, PTAR Kampus & Komuniti Peranihan





"baca itu terapi"

JOM
baca
bersama10
minit

22 April 2021 11:00 - 11:10 pagi



Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan



pdjhuitmperlis

Kongsikan Detik
Membaca AndaMembaca selama
10 minit bermula
pada pukul 11.00 pagi

1

Selfie / Snap gambar
ketika membaca
(Individu @
Berkumpulan)

2

Muat naik gambar di
Media Sosial anda
dengan tanda pagar
#UITMPerlaMembaca

3

Menghantar
gambar melalui
Google Form
yang disediakan

@

atau

Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit 2021 telah tiba dengan tema "baca itu terapi". Program ini dianjurkan oleh Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan dan diadakan setiap tahun sempena sambutan Hari Buku Dan Hak Cipta Sedunia bagi memupuk budaya membaca dalam kalangan warga UiTM Cawangan Perlis.

Program ini bertujuan mendorong warga UiTM Cawangan Perlis untuk membaca, dimulai dengan LANGKAH AWAL selama 10 minit pada hari tersebut sebagai tanda komitmen semua pihak terhadap kepentingan membaca dalam kehidupan dan kemudiannya meneruskan amalan membaca selama 10 minit setiap hari.

Program ini bermula pada pukul 11.00 pagi dan warga UiTM Cawangan Perlis telah berkongsi detik membaca melalui selfie dan gambar individu/berkumpulan. Seramai 122 warga UiTM dari pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta pelajar yang memberikan sokongan dan menglibatkan diri pada program kali ini.



LIVE@PDJH | SEGMENT BEDAH BUKU SIRI 2

KHULASAH FAHAM ILMU
KITAB AL-'ILM IMAM AL-GHAZALI

JUMAAT | 9.30 PAGI | 2 APRIL 2021 | RUANG BICARA ILMU

Live di FB Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan

MODERATOR
KHAIRIL IZWAN HASAN
Pustakawan PDJH
UITM Cawangan Perlis

PENCERAMAH
USTAZ KHALID ISMAIL
Pensyarah Kanan ACIS
UITM Cawangan Perlis

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan (PDJH) telah menganjurkan program bedah buku secara langsung bertajuk "Khulasah Faham Ilmu Kitab Al-'Ilm Imam Al-Ghazali Siri 1" bersama penceramah jemputan Ustaz Mohd Khalid Ismail, Pensyarah Kanan Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS). Program ini dikendalikan oleh Khairil Izwan Hasan, Pustakawan PDJH selaku moderator.

Program bedah buku "Khulasah Faham Ilmu Kitab Al-'Ilm Imam Al-Ghazali" mempunyai 8 siri mengikut bab-bab yang terdapat di dalam buku. Setiap siri akan diberi kupasan oleh penceramah jemputan dan dbincangkan melalui soalan-soalan dari moderator dan penonton. Siri pada kali ini adalah lanjutan kepada siri mukadimah yang telah diadakan pada 18 Mac 2021 yang lalu. Bab 1 bagi Kitab Khulasah Faham Ilmu adalah Kelebihan Ilmu, Mengajar dan Belajar serta Asas Penegasannya daripada Sumber Wahyu dan Aqal.

Penceramah menerangkan dengan lebih mendalam definisi ilmu dari sudut bahasa dan syarak serta kepentingan mempelajari ilmu. Beliau menegaskan bahawa "Allah SWT mengangkat kedudukan ilmuwan iaitu orang yang berilmu berbanding dengan mereka yang tidak berilmu. Ilmuwan itu sukar diganti berbanding ahli ibadah".

Program bedah buku ini dihadiri oleh warga UITM secara fizikal di Ruang Biara Buku Ilmu, PDJH 1 dan secara atas talian melalui Facebook Perpustakaan Dato' Jaafar Hassan.



Untuk menonton
semula:



Buat julung kalinya pada 5 April 2021, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Majlis Kemuncak Program Khidmat Masyarakat: Misi IQRA PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang secara maya melalui laman Facebook Rasmi PTAR Kampus Permatang Pauh. Ianya bertujuan untuk melancarkan Sistem Automasi Pusat Sumber Sekolah (ReCeS-Resource Center System) yang telah dibangunkan oleh PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang serta melancarkan Program NILAM peringkat Sekolah Kebangsaan Air Merah, Kulim, Kedah.

Majlis telah dimulai dengan ucapan aluan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Air Merah iaitu Puan Hajah Sabarina Said. Melalui ucapannya, beliau merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada UiTM Cawangan Pulau Pinang khususnya pihak PTAR kerana telah membangunkan sistem Reces bagi membantu Guru Perpustakaan dan Media Sekolah (GPM) menguruskan Pusat Sumber Sekolah secara sistematik serta efisien dalam meningkatkan kualiti pengurusanannya.

Kemudian, majlis diteruskan dengan pelancaran sistem ReCes dan Program NILAM yang telah disempurnakan dengan jayanya oleh Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang, YBhg Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang. Majlis yang berlangsung selama 1 jam ini telah menyajikan penonton dengan beberapa tayangan video antaranya video rangkuman aktiviti sepanjang Program Khidmat Masyarakat: Misi IQRA, video panduan penggunaan Sistem ReCes, video aktiviti bersama pelajar iaitu pertandingan mencipta dan mendendangkan pantun serta video pertandingan ulasan buku kegemaran saya.

Adalah diharapkan melalui perkongsian dan Program Khidmat Masyarakat seperti ini dapat menyumbang kepada kemaslahatan bersama bukan berbentuk "one off" atau terus terhenti bahkan akan kekal terjalin sepanjang masa.



Pada 8 April 2021, PTAR Kampus Permatang Pauh telah mengadakan Program PTAR's Book2U yang bertempat di Pusat Kegiatan Pelajar, Kolej Kristal, UiTM CPP. Program ini telah berlangsung dari jam 9 pagi hingga 4 petang.

Tujuan program ini adalah untuk mempromosikan perkhidmatan perpustakaan di samping meningkatkan statistik pinjaman bahan di mana ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para pelajar.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini berlangsung ialah aktiviti "Jom Pinjam Buku", "Speed Reading Test" dan "Kahoot Quiz". Di samping itu, terdapat juga booth Perkhidmatan Rujukan yang dibuka untuk memberi kemudahan kepada pengunjung bagi mendapatkan khidmat nasihat berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan oleh perpustakaan.

Program yang mendapat kerjasama daripada Jawatankuasa Perwakilan Kolej UiTM CPP ini diharap dapat menggalakkan para pelajar datang ke perpustakaan dan menggunakan perkhidmatan dan kemudahan yang ada.



SESI ENGAGEMENT PTAR BERSAMA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR DAN JAWATANKUASA PERWAKILAN KOLEJ UiTM CPP

9 APRIL 2021



Bertempat di Pusat IT, PTAR Kampus Permatang Pauh telah berlangsung sesi Engagement PTAR bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK), UiTM Cawangan Pulau Pinang. Sesi Engagement yang diadakan pada 9 April 2021 ini telah dihadiri oleh 39 orang exco serta jawatankuasa daripada kedua-dua perwakilan tersebut. Sepanjang sesi diadakan, pelbagai topik telah dibincangkan termasuk pengenalan perkhidmatan pelanggan, pengenalan perkhidmatan perpustakaan digital dan semakan pengaksesan "Mobile App" dan "MyKM". Selain itu, sesi anjuran PTAR ini juga bertujuan memberi pendedahan mengenai perpustakaan kepada para perwakilan agar promosi perkhidmatan perpustakaan dapat disampaikan kepada pelajar lain dengan lebih berkesan. Di samping itu, perjumpaan seperti ini dapat mengukuhkan antara PTAR dengan MPP dan JPK UiTM Cawangan Pulau Pinang. Sesi ini telah disampaikan oleh Cik Nor Azilawati Mohamad Azmi dan Encik Nurulizwan Amir selaku Pustakawan Kanan dan dimulakan dengan kata alu-aluan oleh Puan Hayati Mokhtaram, Timbalan Ketua Pustakawan.




Meneruskan lagi program Read@UiTM : UiTM Penang Baca adalah sesi Live@PTAR UiTM CPP : Bicara Buku Bersama Ustaz Khai Ad-Deen yang membincangkan buku tulisan beliau bertajuk Aku, Dia & Kopi.


Ustaz Khai Ad-Deen atau nama sebenarnya Ustaz Mohd Khairuddin Md Sul Haimi merupakan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam di Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Pulau Pinang. Melalui perkongsiannya kepada penonton, beliau terpenggil untuk menulis buku ini kerana cadangan dan galakan daripada rakan-rakannya untuk membukukan pesanan-pesanan yang ditulis di laman Facebook miliknya.

Buku Aku, Dia & Kopi ini mengandungi nasihat dan pengajaran serta kata-kata motivasi untuk penguat semangat bagi sesiapa yang membacanya. Topik yang dibincangkan dihuraikan dengan ringkas dan padat bagi memudahkan pemahaman pembaca. Ia menjadi penawar hati yang sedih, menjadi santapan rohani dan boleh dijadikan iktibar dan pengajaran.

Antara pesanan menarik di dalam buku ini adalah seperti "Buatlah kebaikan sesama manusia tetapi jangan sibuk untuk membuktikan kebaikan kamu kepada manusia" dan "Setinggi mana kamu berada di atas, satu masa nanti kamu akan sampai ke bumi". Video rakaman Live@PTAR ini boleh ditonton di pautan Facebook berikut : <https://web.facebook.com/200402660123005/videos/280680246941278>



Untuk menonton
semula:






Bersempena dengan sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, pihak PTAR Kampus Permatang Pauh telah menganjurkan program "Jom baca bersama untuk 10 minit" pada hari Khamis, 22 April 2021. Program ini dihadiri oleh para peserta yang terdiri daripada para pemenang "Peminjam Terbanyak bagi tahun 2020", wakil MPP dan JPK UiTM Cawangan Pulau Pinang serta staf akademik dan pentadbiran daripada pelbagai bahagian/fakulti.

Majlis diadakan bagi memupuk budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia dan mendorong masyarakat membaca melalui langkah awal membaca selama 10 minit. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM CPP, Puan Hayati Mokhtaram yang seterusnya telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang "Peminjam Terbanyak bagi tahun 2020".

Majlis diteruskan dengan tayangan video *Bicara Buku : Menerokai Rahsia STEM dalam Al-Quran* sebelum program "Jom Baca Bersama untuk 10 minit" dimulakan tepat jam 11.00 pagi.

PTAR UiTM CPP juga berasa berbesar hati kerana YBhg Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang, Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang turut sudi menyertai program ini walaupun sedang mempengerusikan mesyuarat. Selain Profesor Rektor, beberapa orang pensyarah bersama pelajar masing-masing juga turut serta menjayakan program "Jom Baca Bersama untuk 10 minit" ini. Diharap program ini dapat memupuk minat membaca dalam kalangan warga UiTM khususnya dan masyarakat secara amnya.






PTAR UiTM Bertam telah turut sama melaksanakan dan menyertai program Jom Baca Bersama 10 Minit yang diadakan secara serentak di seluruh Malaysia pada 22 April 2021 bermula jam 11.30 pagi. Selain daripada semua warga kampus dipohon untuk sama-sama membaca pada masa yang ditetapkan. Pelbagai aktiviti lain turut diadakan bersempena sambutan Hari Buku Sedunia, Hari Bumi Sedunia dan bulan Ramadan ini. Antaranya ialah Pertandingan Cepak Jawi, Pertandingan Eko KolaJ, Pertandingan Video Ulasan Buku dan Penyampalan Hadiah buat Peminjam Buku Terbanyak tahun 2020. Usaha mempergiatkan lagi budaya membaca ini akan diteruskan dan dimantapkan lagi pada tahun-tahun akan datang. Semoga lebih ramai penyertaan daripada warga kampus samada secara bersemuka atau atas talian.

Program Jom Baca Bersama 10 minit ini dilaksanakan secara serentak di seluruh negara bersempena sambutan Hari Buku Dan Hak Cipta Sedunia bagi memupuk budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Jom Baca Bersama 10 Minit bagi tahun 2021 berlangsung pada 22 April 2021 pada jam 11.00 pagi.

Aktiviti berunsur pembacaan ini dijalankan dengan mengajak seluruh warga UiTM Cawangan Perak khususnya untuk berhenti sebentar dari melakukan apa jua aktiviti untuk membaca apa jua bahan bacaan selama 10 minit. Program dijalankan bermula jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi serentak di seluruh negara. Seramai 25 orang peserta direkodkan menyertai Program Jom Baca Bersama 10 Minit anjuran PTAR Kampus Seri Iskandar bagi tahun 2021.

Program ini bertujuan untuk mendorong rakyat Malaysia membaca, dimulai dengan langkah awal selama 10 minit, sebagai tanda komitmen semua pihak terhadap kepentingan membaca dalam kehidupan. Diharapkan program seperti ini mampu menerapkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya kepada warga UiTM Cawangan Perak.





Program World #QuranHour 2021/1442H peringkat UITM Cawangan Perak telah berlangsung dengan jayanya di Pusat Islam UITM Perak melibatkan warga UITM Cawangan Perak pada 28 April 2021 bersamaan 16 Ramadhan 1442H. Program ini membawa misi Surah Al-Mulk sebagai pengisian rohani sempena bulan Ramadhan. Sesi pendaftaran peserta bermula seawal jam 5.30 petang manakala sesi Satu Jam Bersama Al-Quran berlangsung pada jam 6.00 petang.



World #QuranHour 2021/1442H peringkat UITM Cawangan Perak dijalankan bersempena Nuzul al-Quran. Tadabbur & Tazakkur Surah al-Mulk yang merupakan surah pilihan World #QuranHour 2021 diketuai oleh Ustaz Mohd Norzarir Arshad, Timbalan Ketua Pegawai Hal Ehwal Islam UITM Cawangan Perak manakala bacaan surah Al-Mulk oleh Ustaz Ahmad Muaz Ahmad Othman, Ustaz Mohd Zaki Ahmed Fauzi & Ustaz Nawawi Abdul Rahman masing-masing daripada Unit Hal Ehwal Islam UITM Cawangan Perak.

Program yang merupakan anjuran bersama Unit Hal Ehwal Islam, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Unit Pengurusan Kolej dan Town & Regional Planning Society (TRIPS) ini juga turut disiarkan secara langsung melalui FB Live Perpustakaan UITM Perak. Sebanyak 155 yang menonton melalui siaran langsung berjaya direkodkan oleh penganjur manakala jumlah keseluruhan peserta bagi program ini adalah seramai 287 orang peserta.

Adalah diharapkan agar program ini mencapai objektifnya dan para peserta berupaya mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari secara istiqamah dalam kehidupan seharian masing-masing.





Pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah telah mengadakan Kunjungan Hormat ke Pejabat Penolong Rektor pada 22 April 2021 (Khamis). Pihak PTAR telah diwakili oleh Ketua Bahagian, Puan Nur Aida Rousli dan Pustakawan, Cik Nur Dayana Mohd Narwawi. Kunjungan Hormat ini diadakan bagi berkongsi dan menyampaikan maklumat mengenai agenda dan perancangan PTAR Kampus Tapah pada tahun 2021 di samping mendapatkan maklumbalas daripada pihak Penolong Rektor sendiri mengenai perkara yang dibincangkan.

Antara perkara yang disampaikan ialah mengenai Program Library Outreach bersama Fakulti, Kelas Kemahiran Maklumat, Live@PTAR, Penyerahan Bahan Harta Intelek, Validasi Bahan Penerbitan PRISMA dan Local Content. Di samping itu, diberikan penekanan juga mengenai penggunaan Online Database dan ebook dalam kalangan pelajar dan pensyarah, Book Delivery Service dan My Knowledge Management Portal. Perkara-perkara yang dibincangkan bertujuan bagi memberikan hebahan mengenai setiap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PTAR kepada warga Universiti terutamanya dalam kalangan pelajar dan pensyarah di samping program-program yang akan dilaksanakan dari masa ke semasa oleh pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak.

Di akhir pertemuan, Profesor Madya Dr Ahmad Saiful Azlin Puteh Salin memberikan sepenuh sokongan dan dorongan kepada pihak PTAR dalam mempromosikan setiap perkhidmatan dan program-program yang telah direncanakan. Semoga Kunjungan Hormat ini dapat mengukuhkan lagi hubungan di antara pihak PTAR Kampus Tapah dan Penolong Rektor UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah seterusnya setiap perkara yang telah dibincangkan dapat dicapai dan dilaksanakan dengan sebaiknya pada masa hadapan demi manfaat dan kebaikan seluruh warga Universiti.



Bagi memupuk budaya membaca dalam kalangan warga Universiti, pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Cawangan Perak Kampus Tapah telah menyertai Program Jom Baca Bersama 10 Minit bersempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun. Dengan tema "Baca Itu Terapi", program ini telah disertai oleh staf PTAR dan pelajar.

Tepat jam 11.00 pagi, semua staf PTAR dan pelajar yang berada di perpustakaan telah bersedia dengan buku pilihan masing-masing dan meluangkan masa selama 10 minit untuk membaca. Antara buku yang menjadi pilihan adalah seperti buku motivasi, buku agama dan novel. Diharap program seperti ini dapat diteruskan pada setiap tahun sebagai salah satu usaha dalam menggalakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia seterusnya melahirkan individu dan masyarakat yang cintakan ilmu.



Universiti
Teknologi
MARA

Cawangan Perak
Kampus Tapah



Program Jom Baca Bersama

10 Minit

22 April 2021
11.00am - 11.10am

Perpustakaan Tun Abdul Razak, Cawangan Perak Kampus Tapah










STAY CONNECTED

#ANYWHERE ANYTIME ANYONE

 perni.library@uitm.edu.my
  LIBUITMTapah
  pernilibtapah
  library.siti.pink



Pada 19-22 April 2021, Perpustakaan Al-Bukhari dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia telah menganjurkan satu program yang bertajuk READ, SNAP AND WIN : KLWBC 2.0 'THE FINALE' diadakan secara atas talian kepada seluruh rakyat Malaysia dengan 4 kategori iaitu staf perpustakaan, pelajar sekolah, pelajar universiti dan umum untuk berkongsi gambar mereka ketika membaca buku dan perlu di kongsi di laman sosial Perpustakaan Al-Bukhari juga Persatuan Pustakawan Malaysia. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan sangat baik daripada seluruh Malaysia.

Sebanyak 861 penyertaan telah diterima dan pihak penganjur amat menghargai setiap satu usaha yang telah dilakukan oleh semua peserta dalam menyokong program ini. Teruslah membaca dan mendidik diri untuk mencintai ilmu.



Program "Read, Snap and Win" merupakan program pembudayaan ilmu dimana peserta hanya perlu mengambil gambar ketika sedang membaca dan kongsi content bahan bacaan mereka. Genre buku adalah bebas.



PAMERAN KESEDARAN KESIHATAN MENTAL

Kesihatan Mental Untuk Semua





YOU ARE NOT ALONE

1 APR - 30 APR 2021

Tempat : Perpustakaan Al-Bukhari
UITM Cawangan Pahang Kampus Jengka
AKTIVITI : CABUTAN BERTUAH/KUIZ KESIHATAN/
PAMERAN & TAYANGAN VIDEO
Anjuran : UNIT KESIHATAN
UITM Cawangan Pahang Kampus Jengka

Pada 1 April 2021(Khamis), satu Pameran Kesedaran Kesihatan Mental: Kesihatan Mental Untuk Semua telah diadakan di Perpustakaan Al-Bukhari. Pameran ini adalah kerjasama Unit Kesihatan UITM Cawangan Pahang bersama perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang.

Persiapan bagi pameran ini disediakan oleh Unit Korporat Perpustakaan Al-Bukhari manakala penyediaan bahan pameran serta pemasangan bahan pameran di perpustakaan dilaksanakan oleh Unit Kesihatan. Pameran berlangsung selama 30 hari dari 1 hingga 30 April 2021. Selain itu, terdapat juga cabutan bertuah, kuiz kesihatan serta tayangan video kesedaran bagi pameran tersebut.







Pada 22 April 2021 (Khamis), Program Jom baca bersama untuk 10 minit dengan tema "Baca itu Terapi" telah diadakan di Perpustakaan Al-Bukhari, UITM Cawangan Pahang.

Program ini diadakan sempena Program tahunan Jom Baca 10 Minit yang melibatkan staf dan pelajar UITM Cawangan Pahang secara fizikal dan maya. Program berlangsung dalam suasana norma baru dan semua peserta mengikuti SOP yang sepatutnya.

Seramai 130 peserta yang telah menyertai program ini. Sesi perkongsian juga diadakan selepas membaca selama 10 minit daripada wakil staf dan pelajar yang menyertai.



23 APRIL 2021

BULETIN

Disediakan oleh : Roshairi bin Che Razali




PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
CAWANGAN PAHANG

Pada 23 April 2021 (Jumaat), Perpustakaan Al-Bukhari telah mengadakan program Library Outreach bersama Pelajar Pengurusan dan Teknologi Pejabat: Pengurusan Rekod (BA118). Sesi perkongsian ini dengan kerjasama Puan Rozita binti Mangan, Pensyarah Kanan di UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka dari Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat dimana seramai 48 orang pelajar telah mengikuti program ini.

Taklimat perkongsian ini berkaitan Pengurusan Arkib & Rekod Perpustakaan Al-Bukhari yang disampaikan oleh Puan

Norfitriah bt. Mat Seman, Pustakawan Kanan, Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang.

Dalam sesi perkongsian ini pelbagai maklumat Unit Arkib Cawangan Pahang telah dikongsikan kepada semua pelajar tersebut termasuklah mengajar Teknik pencarian bahan arkib secara digital dengan menggunakan sistem OFA, Repositori Khazanah Melayu dan E-Galeri Repositori.



STAY CONNECTED
ANYWHERE . ANYTIME . ANYONE

UiTM di hatiku

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA Cawangan Terengganu

SEGMENT SEMBANG SANTAI
"DUYUFURRAHMAN DI BULAN RAMADHAN"

MODERATOR
EN. MOHD SHAHNIZAM MAT ZAIN
PUSTAKAWAN KANAN
PERPUSTAKAAN CENDEKIawan

PANEL JEMPUTAN
HJH. HALIMATON@NOR ASHIKIN MOHD YUSOF
PENSYARAH KANAN
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA

PANEL JEMPUTAN
TS. HJH. NORKAMRUZITA SAADON
PENSYARAH KANAN
FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA

15 APRIL 2021 (KHAMIS) | 10.30 AM - 11.30 AM

LIVE <https://www.facebook.com/puitmbukitbesi>

Perpustakaan Cendekiawan UiTM Bukit Besi | puitm_bukitbesi | puitm_bukitbesi | Library for All

Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk: "Duyufurrahman di Bulan Ramadhan" yang telah menampilkan dua (2) orang panel jemputan iaitu Hjh. Halimaton@Nor Ashikin Mohd Yusof, Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Bahasa dan Ts. Hjh. Norkamruzita Saadon, Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Kimia. Program siaran langsung ini telah dihoskan oleh En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pustakawan Kanan selaku moderator program.

Menerusi segmen sembang santai, topik pada kali ini berfokuskan kepada perkongsian pengalaman dan ilmu daripada panel-panel jemputan mengenai pengalaman mereka yang telah terpilih menjadi sebahagian daripada duyufurrahman atau tetamu Allah di Tanah Suci ketika di bulan Ramadhan pada beberapa tahun yang lepas. Walaupun masih menyimpan hasrat untuk kembali ke sana, hasrat mereka terpaksa ditangguhkan buat seketika disebabkan dunia sedang berperang dengan wabak Covid19.

Dengan durasi program selama 1 jam, banyak suka duka dan kenangan manis dikongsikan oleh kedua-dua ahli panel. Berdepan dengan cabaran getir sebagai tetamu Allah di Tanah Suci terutama di bulan Ramadhan benar-benar telah menguji kekentalan semangat, fizikal dan mental mereka. Berbekalkan niat untuk beribadah kerana Allah, semua halangan dan dugaan dapat didepani dengan lancar.

Beberapa tips juga turut dikongsikan oleh ahli panel kepada penonton yang ingin mengerjakan ibadah umrah di Bulan Ramadhan, antaranya perlu memastikan stamina yang tinggi, membuat persiapan awal dengan mendapatkan informasi berkaitan, mengikuti kursus-kursus umrah yang dianjurkan oleh agensi dan bagaimana cara-cara untuk memilih agensi pelancongan yang baik.

Kerinduan untuk menjejaki kaki ke Tanah Suci jelas tergambar pada raut wajah ahli panel apabila mula bemosi ketika diajukan soalan oleh moderator berkenaan perkara yang tidak boleh dilupakan. Ahli panel juga turut berkongsi keajaiban yang mereka alami sewaktu di Tanah Suci antaranya dimakbulkan oleh Allah untuk menikmati juadah enak walaupun hanya terdetik di dalam hati, dipermudahkan urusan memasuki Hijir Ismail, dan diberi kesihatan kaki (tidak sakit) kerana ahli panel telah menjalani pembedahan lutut.

Sebelum melabuhkan tirai, ahli panel sempat mempromosikan Sumbangan Dana Masjid UiTM Bukit Besi dan seterusnya sedikit resensi buku dan promosi perkhidmatan Perpustakaan Digital oleh moderator.

**PENYERAHAN POSTER JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT
KEPADA WAKIL UNIT UITMCT KAMPUS BUKIT BESI
21 APRIL 2021**

Sesi penyerahan poster Program "Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit" kepada wakil-wakil Unit di UITM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi. Antara Unit-unit yang terlibat adalah:


1. Unit Pentadbiran
2. Unit Polis Bantuan
3. Unit Hal Ehwal Akademik
4. Unit Hal Ehwal Pelajar
5. Unit Kewangan
6. Unit Pengurusan Infrastruktur

Tujuan penyerahan poster ini adalah sebagai salah satu promosi bagi menjayakan program yang akan berlangsung pada 22 April 2021.



**PROGRAM JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT
UITM CAWANGAN TERENGGANU KAMPUS BUKIT BESI
22 APRIL 2021**


Disediakan oleh : Mohd Shahnizam Mat Zain



Sebahagian staf dan pelajar UITM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi yang telah mengambil bahagian dalam Program "Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit" yang berlangsung secara serentak di seluruh negara pada 22 April 2021 jam 11.00 pagi. Turut memberi sokongan adalah seorang pensyarah yang sedang cuti belajar di Jepun iaitu Ts. Shahrul Hisyam Marwan. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih atas sokongan yang telah diberikan.



Kiosk UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Digital Library2U telah dibuka di tapak Program Interaktif bersama Maxis anjuran Maxis & Hal Ehwal Pelajar UiTMCT bertujuan untuk memberi panduan akses bahan digital perpustakaan, khususnya kepada para pelajar UiTMCT. Program yang diadakan pada 1 April 2021, Khamis, telah bermula pada jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari di Pejabat Kolej Pantai UiTMCT. Antara promosi yang dilaksanakan adalah panduan log masuk kepada sistem perpustakaan dan akses kepada pelbagai koleksi digital perpustakaan UiTM. Inisiatif kecil tapi signifikan ini merupakan usaha staf sokongan Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT untuk mempromosi serta meningkatkan penggunaan sistem dan aplikasi digital perpustakaan di kalangan warga UiTMCT.



Sempena dengan bulan Program Digital Library2U (Mac – Mei 2021), Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan Taklimat Perpustakaan Digital pada 8 April 2021, Khamis. Sesi taklimat selama dua jam ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Tuan Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Shah Alam, manakala Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT diwakili oleh Cik Asmahani Abdullah, Pustakawan Kanan, selaku moderator.

Objektif utama taklimat ini adalah untuk mempromosikan penggunaan semua sistem dan aplikasi Perpustakaan Digital UiTM di kalangan warga UiTM Cawangan Terengganu. Juga diselitkan beberapa soalan kuiz dengan hadiah yang menarik. Semoga perkongsian yang telah disampaikan dapat memberi manfaat kepada kesemua peserta yang hadir dan disebarluaskan kepada seluruh warga kampus.



Penerbitan *eInfoDiscovery@Library* Vol. 4/2021 Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun kali ini membawakan kepada anda pelbagai Menu Warisan Ramadhan Terengganu sebagai pilihan dan idea untuk juadah pamanis mulut berbuka puasa mahupun moreh di bulan Ramadhan ini. Walaupun banyak kuih inovasi terhasil dari arus permodenan, kelazatan kuih tradisional masih tiada tandingan. Imbas kod QR pada gambar untuk akses penuh berita atau layari <https://terengganu.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions>.

Semoga bermanfaat dan selamat berpuasa.

CSR: JALINAN KERJASAMA BERSAMA SMK BATU RAKIT, KUALA NERUS, TERENGGANU 12 APRIL 2021



Satu jalinan kerjasama bersama Perpustakaan Asy-Syifa', SMK Batu Rakit, Kuala Nerus, telah diadakan pada 12 April 2021, Isnin, dalam usaha membantu pembangunan sumber rujukan untuk pembelajaran pelajar sekolah tersebut. Perpustakaan Cendekiawan yang diketuai oleh En. Shahrol Nizam Johol, Timbalan Ketua Pustakawan, telah hadir ke sekolah tersebut bagi menyampaikan koleksi buku hasil sumbangan warga UITM Cawangan Terengganu kepada Yang Berbahagia En. Mohd Nasri bin Abdullah, Pengetua SMK Batu Rakit, Kuala Nerus. Semoga sumbangan buku ini dapat membantu pihak sekolah melengkapkan sumber rujukan perpustakaan.

PROGRAM LIVE@PTAR
Bual Bicara Bersama
Pengusaha Batik
Terengganu
EN. MUHAMMAD ZAMRI
Pengasas
Zamzilah Batik

TARIKH :
07 APRIL 2021 (RABU)
MASA :
10.00 PAGI - 11.50 PAGI
MEDIUM :
FACEBOOK LIVE

Follow Us
f i y

Perpustakaan Cendekiawan UiTM Kuala Terengganu telah menganjurkan program bicara santai secara langsung bertajuk "Pengusaha Batik Terengganu" di bawah segmen Live@PTAR. Program ini dikendalikan oleh Cik Nurmaisari binti Che Anuar, Pustakawan selaku moderator untuk program ini. Panel jemputan iaitu En. Muhammad Zamri Bin Di merupakan pengusaha Zamzilah Batik di Terengganu. Zamzilah Batik ialah syarikat pemilikan tunggal oleh En. Muhammad Zamri yang telah bergiat aktif sejak 2010.


Program bicara santai ini membicarakan mengenai sejarah kemunculan batik di Malaysia khususnya di Terengganu. Perkongsian ilmu memberi penerangan mengenai motif dan rekacorak batik yang dihasilkan, dan jenis-jenis batik untuk dikomersialkan.

Beliau turut menerangkan mengenai alatan atau bahan yang digunakan untuk mencanting batik dan proses pembuatan batik mengikut kaedah yang betul. En. Muhammad Zamri turut menceritakan mengenai proses pembuatan Zamzilah Batik mengikut kesesuaian dan kehendak pengguna.

Program Bicara Santai berlangsung selama sejam mendapat maklumbalas yang baik dari peserta terutamanya staf UiTM yang menyertai sehingga tamat siaran langsung. Semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada peserta yang berminat untuk menceburi bidang mencanting batik.

ALATAN/ BAHAN MENCANTING BATIK
Alatan yang biasanya digunakan untuk mencanting batik.

Tempat kain dibentang (alat penidang mudah alih atau meja teraf)



Rakaman Bicara Santai : Pengusaha Batik Di Terengganu boleh ditonton dipautan <https://www.facebook.com/perpustakaancendekiawan.kualaterengganu/videos/119303150249596>
Facebook : Perpustakaan Cendekiawan Kuala Terengganu

Program READ@UiTM telah dilaksanakan dengan kerjasama Program Keceriaan Kampus dan Sambutan Ambang Ramadhan 1442H pada 08 April 2021 di UiTM Kampus Kuala Terengganu.

Program Bedah Buku mengenai " Takzilah Ramadhan Hampir Tiba Bersediakah Aku? " yang disampaikan oleh Ustaz Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, Pensyarah Bahasa Arab UiTMCTKKT. Program ini dilaksanakan untuk persediaan menyambut bulan ramadhan 1442H.



Rakaman Bedah Buku " Takzilah Ramadhan Hampir Tiba Bersediakah Aku? ", boleh ditonton di pautan <https://www.youtube.com/watch?v=iT7-6Y8m-5Q&t=1s>



PAMERAN MAYA BATIK TERENGGANU
12 APRIL 2021


Disediakan oleh : Nurmaisari Binti Che Anuar



Perpustakaan Cendekiawan Kampus Kuala Terengganu telah melaksanakan Pameran Maya mengenai Batik Terengganu untuk pembacaan semua pengguna. Antara batik yang dikenali di Terengganu ialah Batik Canting. Batik canting ialah batik yang menggunakan alat canting untuk melakar corak batik dengan lilin panas di atas kain putih. Terdapat pelbagai jenis batik dan rekacorak batik untuk dibaca.

Untuk akses penuh Pameran Maya Batik Terengganu, sila layari <https://terengganu.library.uitm.edu.my/collections/exhibitions/316-batik-terengganu>

Semoga perkongsian ini memberi manfaat kepada semua pengguna.





Pada 9 April 2021 telah berlangsungnya Majlis Perasmian Penutup Program Khidmat Masyarakat Projek Transformasi & Wakaf Surau KPP 1 UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Program ini merupakan bahagian kedua sambungan dari bahagian pertama iaitu bagi kerja-kerja gotong royong seperti mengecat dinding, pagar dan rak, menyapu, mengemop dan membersihkan ruang solat, ruang wuduk dan ruang legar surau.

Pada bahagian kedua ini, selain menerima tajaan dan wakaf seperti telekung, sejadah, kain pelikat dan lain-lain keperluan yang ditempatkan di surau KPP1. Penaja dan pewakaf telah berbesar hati menaja karpet lantai, langsir, bidai yang baharu serta menghadihkan senaskah al-quran kepada setiap yang hadir. Majlis dimulai dengan bacaan yasin, tahlil dan doa selamat serta diakhiri dengan simbolik penurunan tandatangan oleh Yang Berbahagia Profesor Dr. Abd Halim Mohd Noor, Rektor UiTM Cawangan Melaka sambil dibawa melihat sekitar kawasan surau. Majlis dijalankan selama 2 jam bermula jam 09:00 pagi sehingga 11:00 pagi dan telah dihadiri oleh seramai 36 orang yang terdiri dari staf PTAR Kampus Alor Gajah, barisan JKEN, wakil ACIS, wakil Fasiliti dan turut dimeriahkan dengan kehadiran beberapa orang Penaja atau Pewakaf utama.



Sayembara Penulisan Puisi Mahasiswa Cakna UiTM Cawangan Melaka 2021 merupakan pertandingan menulis puisi yang disasarkan dalam kalangan pelajar universiti untuk melihat kemampuan dan kebolehan mahasiswa era kini dalam bidang penulisan. Program ini adalah anjuran Jabatan Undang-Undang UiTM Cawangan Melaka & Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka dengan kerjasama rakan strategik iaitu Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UiTM Cawangan Melaka, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka, Dewan Bahasa & Pustaka Wilayah Selatan (DBPWS), Persatuan Bahasa Melayu (PBM), Ikatan Persuratan Melayu (IPM) & AID Conference.

Penyertaan bagi penulisan puisi ini adalah percuma dan borang serta syarat pertandingan boleh dirujuk dengan mengimbas menerusi pautan QR kod yang tertera di poster. Tarikh pertandingan adalah dari 12 April 2021 sehingga 31 Mei 2021. Pelbagai hadiah menarik ditawarkan kepada para pemenang.



LIBRARY OUTREACH: PENGURUSAN REKOD UNIVERSITI
BERSAMA BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK KAMPUS ALOR GAJAH
28 APRIL 2021

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman

Pada 28 April 2021 Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Program Library Outreach: Pengurusan Rekod Universiti Bersama Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Program ini dijalankan secara terus atau bersemuka selama 2 jam. Penerangan mengenai pengurusan rekod universiti ini telah disampaikan oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman, Pustakawan, Unit Arkib PTAR UiTM Cawangan Melaka. Fokus utama program outreach ini adalah bagi membantu Bahagian Hal Ehwal Akademik dalam proses pemindahan rekod penting seperti fail peribadi pelajar ke Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka.

Pengisian Program Library Outreach: Pengurusan Rekod Universiti adalah seperti berikut:


- Pengenalan Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka
- Objektif Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka
- Perkhidmatan Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka
- Pengurusan Rekod dan Proses Pelupusan
- Lawatan Tapak





Perpustakaan Tun Abdul Razak UITM Cawangan Melaka telah mengadakan pelbagai aktiviti sempena program "Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit" pada 22 April 2021. Tujuan program ini diadakan adalah untuk membudayakan amalan membaca di kalangan warga UITM Cawangan Melaka. Antara aktiviti yang dijalankan ialah:

1. "Secara SERENTAK di Seluruh Negara".
Seluruh warga UITM Cawangan Melaka yang sedang membaca walau di mana sahaja dari jam 11:00 pagi sehingga 11:10 pagi di minta memuat naik gambar mereka ke dalam pautan yang diberi.
2. "Siapa CEPAT, Dia DAPAT".
Aktiviti yang melibatkan Kuiz Kahoot, Pertandingan Online Puzzle dan Pencarian Pantas Buku di Rak.
3. "Jom Baca Buku Bersama Untuk 10 Minit".
Aktiviti di mana gambar pengguna dan staf yang berada dalam perpustakaan akan diambil semasa suasana Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit ini berlangsung. Aktiviti pembacaan pelbagai jenis bahan bacaan ini telah dilaksanakan serentak oleh seluruh rakyat Malaysia bermula jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi. 10 minit sahaja ini telah berjaya membudayakan amalan membaca dalam kalangan warga UITM. Pengunjung turut menaikkan poster "Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit" sebagai tanda sokongan dalam menjayakan sambutan program membaca ini.



4. "Masuk Perpustakaan, Pinjam Buku".
Aktiviti ini adalah program galakan kepada pengguna untuk meminjam buku di Perpustakaan. Peminjam bertuah akan di pilih mengikut kriteria yang telah ditetapkan dan pemenang akan menerima hadiah istimewa dari PTARUCM.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua peserta dan pemenang yang telah turut serta dan memenangi hadiah dalam penyertaan aktiviti yang disediakan.

Adalah diharapkan program dan amalan murni 'Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit' ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang.







BULETIN

Disediakan oleh : Maznah Maarof

Tadarus Peringkat UITM Cawangan Melaka telah dijalankan di mana ia melibatkan seluruh warga iaitu pelajar, staf dan pensyarah. Bagi Kampus Alor Gajah setiap bahagian dan unit diminta untuk terlibat dengan membaca 1 juzuk bacaan Al-Quran.

Pihak PTAR Kampus Alor Gajah turut terlibat dengan diberikan bacaan juzuk 8 yang mana bacaan surahnya dibimbing dan dipimpin oleh Ustazah Mariam Farhana Md Nasir, Pensyarah ACIS UITM Cawangan Melaka. Tadarus ini berjalan selama 2 jam dari 2.30 petang hingga 4.30 petang dan dijalankan di ruang self access center PTAR.



اقل
**MAJLIS KHATAM AL-QURAN PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA
DAN TAZKIRAH RAMADAN
30 APRIL 2021**

Disediakan oleh : Muhammad Shafiq Snin



Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan Tazkirah Ramadan oleh Imam Abd Akmal Fitrie Abd Aziz yang bertajuk Mukjizat Al-Quran dan diteruskan dengan bacaan surah dari juzuk 30 sebagai tanda penutup atau khatam. Majlis ini melibatkan penyertaan dari ketiga-tiga staf kampus PTAR UiTM Cawangan Melaka. Seramai 26 orang staf yang berkemampuan untuk membaca Al-Quran turut serta terlibat dalam mengambil juzuk-juzuk yang mereka mahukan dan menyelesaikan bacaan masing-masing mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Alhamdulillah semuanya berjalan lancar dan majlis khatam ini telah dilaksanakan secara bersemuka selama 1 jam dari pukul 10:00 pagi sehingga 11:00 pagi di ruang Santal Point PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah.





PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya telah mengadakan Program Jom Baca Bersama 10 Minit dan Jom Pinjam & Book2U di sekitar Kampus UiTM Bandaraya Melaka pada 22 April 2021. Pada jam 11.00 hingga 11.10 pagi.

Program ini dijalankan bagi menyokong program yang dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia secara serentak di seluruh Malaysia. Tempat sasaran adalah di jabatan/agensi/sekolah/lokasi masing-masing di mana juga mereka berada. Program ini

dimeriahkan lagi dengan program Jom Pinjam & Book2U untuk warga kampus yang berada di sekitar kawasan kampus UiTM Kampus Bandaraya Melaka.

Jom
baca
bersama
suk





BUBUR LAMBUK


Bubur Lambuk adalah sinonim dengan kedatangan bulan Ramadan. Salah satu juadah yang menjadi kemestian setiap kali tiba waktu berbuka. Lazimnya, bubur ini diperbuat daripada beras dan campuran rempah ratus. Namun begitu, cara masakan bubur lambuk adalah berbeza-beza mengikut negeri dan keistimewaan masing-masing. Di samping itu, ubi keledak, udang kering dan isi daging atau ayam dimasukkan bagi tujuan penambah selera. Walau bagaimanapun cara bubur tersebut disediakan, bubur lambuk masih menjadi makanan pilihan untuk dimasak di masjid-masjid di seluruh negara.

Maklumat lanjut sila layari :

<https://melaka.library.uitm.edu.my/virtual-exhibition/220-buburlambukramadhan>

atau Imbas QR Code yang disertakan





Tarikh 23 April setiap tahun merupakan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia. Bersempena dengan sambutan ini, PTDI membawakan aktiviti Jom Membaca 10 Minit pada hari Khamis, 22 April 2021. Gambar-gambar di atas adalah antara gambar staf dan pelajar yang telah menyertai aktiviti ini.

MOBILE LIBRARY@PTDI: PEJABAT PENOLONG REKTOR
26 APRIL 2021

Disediakan oleh : Nor Azelea Mohd Azahar



Mobile Library@PTDI merupakan program yang dilaksanakan untuk mendekati pengguna. PTDI telah mengunjungi ke Pejabat Penolong Rektor di aras 5 Bangunan Pentadbiran. PTDI membawakan buku-buku baru dan best seller sebagai promosi kepada staf di unit tersebut. Selain mempromosikan buku-buku yang dibawa, PTDI turut melaksanakan kajian awal mengenai minat bahan bacaan staf tersebut supaya buku-buku yang dibawa adalah berdasarkan permintaan. Program Mobile Library@PTDI ini akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.

PROGRAM IHYA' RAMADHAN
LITM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS PASIR GUDANG
1442H | 2021M

MALIS PELANCARAN PROGRAM IHYA' RAMADHAN 1442H
14 APRIL 2021
PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL

IFTAR JAMIE
SETIAP HARI BULAN RAMADHAN
PUSAT ISLAM

SOLAT TERAWIH DAN WITIR
SETIAP HARI BULAN RAMADHAN
PUSAT ISLAM

QIAMULLAIL DAN SAHUR
SETIAP HARI BULAN RAMADHAN
PUSAT ISLAM

KAUNTER ZAKAT FITRAH
SETIAP HARI BULAN RAMADHAN
PUSAT ISLAM

TADARUS AL-QURAN
SETIAP HARI BULAN RAMADHAN
PUSAT ISLAM

TALIM MINGGUAN
SETIAP HARI BULAN RAMADHAN
PUSAT ISLAM

TAZKIRAH RAMADHAN
SELAMA BULAN RAMADHAN
PUSAT ISLAM

PERTANDINGAN :
1) RAMADHAN DIBACA
2) KAD RAYA
3) MENU SUNNAH

TABUNG IHYA' RAMADHAN
KUMPULAN WANG AMANAH
0108700040960
BANK ISLAM

PERTANDINGAN SEPANJANG RAMADHAN 1442H|2021M

RAMADHAN DIBACA
• Mempunyai "Kertas Bacaan" Diambil Acarakan
• Mempunyai "Kertas Bacaan" Diambil Acarakan
• Mempunyai "Kertas Bacaan" Diambil Acarakan

MENU SUNNAH
• Mempunyai Persembahan Persembahan Menu Persembahan dengan menu Persembahan dengan menu Persembahan

KAD RAYA
• Mempunyai Persembahan Persembahan Kad Raya Persembahan Kad Raya Persembahan Kad Raya



Pertandingan Mewarna Kad Raya

SIAPA YANG AKLI SYAWAG? RAMADAN ATAU SYAWAL
21 APRIL 2021 (RABU)
10.00 Pagi

Kampus Pasir Gudang – Program Ihya' Ramadhan adalah satu program kerjasama antara Unit Hal Ehwal Islam, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Unit Kerja & Kaunseling, Unit Korporat, Perpustakaan Tun Dr. Ismail dan Bahagian Infrastruktur. Pelbagai aktiviti yang menarik telah dirancang demi menghidupkan lagi sinar Ramadhan Al-Mubarak bagi tahun 1442H.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang bulan Ramadhan adalah iftar Jamie, solat tarawih dan witir, tazkirah Ramadhan, qiamullail dan sahur. Aktiviti ini dijalankan di Pusat Islam dengan mengikut SOP yang ditetapkan. Selain itu, beberapa pertandingan juga diadakan iaitu Ramadhan di hati, menu sunnah dan mewarna kad raya khusus untuk anak-anak staf berumur 4 tahun sehingga 9 tahun.

Kemuncak Program Ihya' Ramadhan ini adalah majlis penutup program yang diadakan di ruang legar Perpustakaan Tun Dr. Ismail. Majlis ini diadakan untuk menyampaikan hadiah pertandingan yang telah berlangsung. Selain itu, pengisian majlis penutup ini juga untuk menyampaikan sumbangan makanan kepada pelajar dan staf serta ta'lim mingguan yang terakhir bagi menutup Program Ihya' Ramadhan 1442H.



UiTM Kampus Pasir Gudang - Unit Latihan Perpustakaan Tun Dr. Ismail (PTDI) telah menganjurkan sesi perkongsian dengan kerjasama Unit Kerjaya & Kaunseling (UKK). Sesi perkongsian ini diadakan secara langsung yang bertajuk "Satu jam lebih dekat 'Talkshow with counsellor: Law of Attraction'". Program ini dikendalikan oleh Cik Noor Dahiah Sulhana Dzainal, pelajar praktikal UKK selaku moderator. Panel untuk sesi perkongsian ini adalah Puan Suzainah Rahmat, Pegawai Psikologi Kanan dan Cik Nur Aina Nasuha Zainuddin, Pegawai Psikologi.

Perkongsian ini dimulakan dengan memperkenalkan sistem Counselling2U (C2U). Sistem ini dibangunkan untuk pelajar dan staf mendapatkan perkhidmatan kaunseling secara maya dan membuat janji temu secara atas talian.

Bagi mengupas tajuk perkongsian ini, Law of Attraction adalah kepercayaan bahawa pemikiran positif atau negatif membawa membawa pengalaman positif atau negatif dalam kehidupan seseorang. Perkongsian ini mendapat respon yang baik dari pendengar.



Program : #PTDIPrihatin
Tarikh : 29 April 2021 | Khamis
Tempat : Sekolah Kebangsaan LKTP Medoi, Segamat, Johor
Jumlah murid yang telah menerima sumbangan : 10 murid

Objektif Program :

- Menyokong salah satu fokus PTAR bagi tahun 2021 iaitu #PTARPrihatin seterusnya di peringkat PTDI UITM Cawangan Johor fokus ini diselaraskan kepada #PTDIPrihatin.
- Menunjukkan keprihatinan kepada golongan yang kurang bernasib baik seperti pelajar Pendidikan Khas.
- Melatih diri staf untuk bersedekah dan berkongsi rezeki di bulan Ramadhan.
- Mengaplikasikan amalan hidup yang baik dalam kehidupan seharian.
- Memupuk rasa persaudaraan dan kerjasama dalam kalangan staf Perpustakaan Tun Dr Ismail di Kampus Segamat dan Pasir Gudang.



Program
#PTDIPRIHATIN
29 April 2021 (Khamis) | 8.30 pagi | Sekolah Kebangsaan LKTP Medoi

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Perpustakaan Tun Dr Ismail Cawangan Johor
1200
2000

TERIMA KASIH ATAS SUMBERAN SEMUA WARGA PTDI SEGAMAT & PASIR GUDANG

Melayan dengan Potensi
Membantu Masa Negeri





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Sarawak
PTARSWK/21-100
UiTM *di hatiKas*

Coffee Talk

with
**MPP UiTM
CAWANGAN
SARAWAK**

16th April 2021
9:00 A.M

STAY CONNECTED
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

Twitter Instagram Facebook



Sila Imbas kod QR
untuk ke pautan:



Like, follow & chat with us :

FB Page : PtarSarawak

IG : ptar_sarawak

Twitter : Lib.UiTM Sarawak

Youtube Channel : ptartvsarawak

Chat With Librarian : <https://ptar.uitm.edu.my/libchat/>

Whatsapp : <https://wa.me/message/APNF742KT45HH1>

Pengurusan PTAR UiTM Cawangan Sarawak dan Barisan Pengurusan Tertinggi MPP UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan Program Library Outreach: Coffee Talk Bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Sarawak pada 16 April 2021. Program ini bertujuan untuk menggalakkan promosi perkhidmatan dan memastikan hubungan yang baik dengan pengguna.

Terima kasih diucapkan kepada Barisan Pengurusan Tertinggi MPP atas kesudian meluangkan masa bersama Pengurusan PTAR UiTM Cawangan Sarawak. Diharapkan agar jalinan kerjasama ini akan berkekalan dan memberi kebaikan kepada semua pihak. Semoga semua perkara yang telah diperbincangkan dapat mencapai objektif dan dapat melaksanakan tugas bersama dengan baik.


Like, follow & chat with us :

FB Page : PtarSarawak

IG : ptar_sarawak

Twitter : Lib.UiTM Sarawak

Youtube Channel : ptartvsarawak

Chat With Librarian : <https://ptar.uitm.edu.my/libchat/>Whatsapp : <https://wa.me/message/APNF742KT45HH1>Silalahkod QR
untuk ke pautan:

TECH TALK

HARD & SOFT

MODERATOR
Abang Mohd Farizan
Abang Yakup
Pustakawan Kanan
Perpustakaan Tun Abdul Razak

PANEL

Dr. Lee Beng Yong
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Sains Komputer
& Matematik,
Fakulti Pengurusan
Hotel & Pelancongan

**Muhammad Fikri
Mohd Kamil**
Pemilik
iSyekh Device
Kota Samarahan

20th APRIL 10:00 AM - 11:30 AM
2021

[Twitter](#) [Instagram](#) [Facebook](#) [WhatsApp](#) **LIVE**

PTAR UiTM Cawangan Sarawak telah menganjurkan Program bual bicara bertajuk TechTalk: Hard & Soft bertempat di PTAR UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan 2, pada 20 April 2021. Dalam era moden dan serba canggih ini, manusia bergantung kepada komputer untuk melakukan sebarang pekerjaan. Tidak kira sama ada anda bekerja dalam bidang pengkomputeran atau pun tidak, sebarang pekerjaan masa kini wajib memerlukan komputer bagi menjimatkan masa serta dapat menyiapkan kerja dalam masa yang singkat.

Secara umumnya, semua orang tahu bahawa komputer mempunyai beberapa komponen utama iaitu Memory, Processor, Input & Output (I/O), Command, Architecture dan Operating System (OS). Kesemua komponen tersebut perlu ada pada sesebuah komputer untuk berfungsi. Selain itu, perisian juga amat penting dalam pembangunan komputer. Perisian adalah program-program yang dibangunkan untuk membolehkan komputer melakukan sesuatu tugas tertentu setiap perisian mempunyai peranan yang tertentu.

Objektif utama program ini dianjurkan adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pengguna dalam dunia pengkomputeran, memperkenalkan spesifikasi komputer yang pelbagai untuk pengetahuan dan rujukan para pengguna yang ingin memiliki komputer sendiri, memantapkan pengetahuan di kalangan pengguna terhadap kepentingan komputer dalam era digital masa kini, memberi pendedahan kepada pengguna berkalantan pasaran terkini bagi komponen komputer dan memantapkan kemahiran para pengguna dalam dunia komputer khususnya staf UiTM Sarawak.

Penel jemputan ialah Dr. Lee Beng Yong, Ketua Pusat Pengajian, Fakulti Sains Komputer & Matematik, Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan, UiTM Cawangan Sarawak, En. Muhammad Fikri B. Mohd Kamil, iSyekh Device Kota Samarahan, dan dikendalikan oleh En. Abang Mohamad Farizan B. Abang Yakup, Pustakawan Kanan, PTAR UiTM Cawangan Sarawak sebagai moderator.

LIVE@PTAR SIRI 2

"Apa itu Vaksin?
 Ok ke?
 Saya takut Vaksin ni?"

LIVE
 21 APRIL 2021
 10:00 PAGI

PANEL JEMPUTAN
 Dr. Sarah Chew Ching Jern
 Pakar Perubatan Keluarga
 Klinik Kesihatan Asajaya

MODERATOR
 Dr. Kamarudin Bin Jara'ee
 Pegawai Perubatan
 Unit Kesihatan
 UITM Cawangan Sarawak

PTARSWK/21-108

UITM Sarawak
 STAY CONNECTED

Dr. Kamarudin

Dr. Sarah Chew

Dr. Kamarudin

Sila Imbas kod QR
 untuk ke pautan:



Like, follow & chat with us :

FB Page : PtarSarawak

IG : ptar_sarawak

Twitter : Lib.UITM Sarawak

Youtube Channel : ptartvsarawak

Chat With Librarian : <https://ptar.uitm.edu.my/libchat/>

Whatsapp : <https://wa.me/message/APNF742KT45HH1>

PTAR UITM Cawangan Sarawak telah menganjurkan program perkongsian pengetahuan dan maklumat di kalangan pakar dalam bidang kepekarannya pada 21 April 2021. Siri kali ini mengupas tajuk yang terkini iaitu mengenai vaksin untuk Covid-19 dan menjawab segala persoalan yang berada di fikiran semua warga UITM Sarawak. Ia bertujuan untuk memberi kefahaman dan memantapkan pengetahuan warga UITM Cawangan Sarawak sebagai langkah pencegahan mengekang penularan wabak Covid-19. Penggunaan vaksin COVID-19 menjadi langkah utama dalam menghadapi pandemik yang sudah lebih setahun merencatkan kehidupan, sekali gus memastikan kesihatan awam dapat dijaga secara optimum.

Malah, dengan memahami kepentingan vaksin, peluang untuk kembali seperti sebelumnya, terutama dari segi sosial dan ekonomi serta kualiti hidup masyarakat akan dapat dipertingkatkan. Para peserta juga didedahkan dengan langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya dijangkiti Covid-19. Program yang diadakan secara dalam talian ini telah menarik seramai 70 orang peserta bukan sahaja dari kalangan warga UITM malahan juga masyarakat awam dan petugas kesihatan. Panel jemputan ialah Dr. Sarah Chew Ching Jern, Pakar Perubatan Keluarga, Klinik Kesihatan Asajaya manakala moderator program ialah Dr. Kamarudin B. Jara'ee, Pegawai Perubatan, Unit Kesihatan, UITM Cawangan Sarawak



PTARSWK/21-117

#malaysiamembaca #ptarsarawakmembaca

"baca itu terapi"

JOM baca bersama



22 April 2021 11:00 - 11:10 pagi



Perpustakaan
Tun Abdul Razak
Cawangan Sarawak




PTAR UITM Cawangan Sarawak



<https://sarawak.library.uitm.edu.my>

Sila Imbas kod QR
untuk ke pautan:



Like, follow & chat with us :

FB Page : PtarSarawak

IG : ptar_sarawak

Twitter : Lib.UITM Sarawak

Youtube Channel : ptartvsarawak

Chat With Librarian : <https://ptar.uitm.edu.my/libchat/>

Whatsapp : <https://wa.me/message/APNF742KT45HH1>



PTARSWK/21-121


22 April 2021

"Baca Itu Terapi". Jom semarakkan budaya membaca dengan menyertai 'Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2021' secara serentak di seluruh Malaysia Sempena Sambutan Hari Buku Dan Hak Cipta Sedunia. PTAR UITM Cawangan Sarawak telah menganjurkan PTAR Sarawak Mannequin Challenge, pada 22 April 2021, jam 11.00 pagi - 11.10 pagi. Program ini adalah bertujuan untuk menyokong program Jom Baca Bersama 10 Minit yang diadakan serentak di seluruh negara dan memberi sedikit kelainan dengan melaksanakan Mannequin Challenge untuk menyemarakkan semangat membaca di kalangan warga UITM Sarawak.




IMBAS KOD QR

<https://library.uitm.edu.my/>



CHAT
With Librarian



WHATSAPP
With Librarian



Melaksanakan Protokol Keselamatan



Inter Library Loan



Preparation Based Learning



Service melalui dengan Iptan sosial (Twitter)




Bersama Hentakan Wabak Covid-19



CHAT
With Librarian



WHATSAPP
With Librarian



Melaksanakan Protokol Keselamatan



Inter Library Loan



Preparation Based Learning



Service melalui dengan Iptan sosial (Twitter)



Bersama Hentakan Wabak Covid-19

MAKLUMAN UNTUK ANDA

SEPANJANG TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DILAKSANAKAN SEPENUHNYA SECARA ATAS TALIAN MELALUI

PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DIGITAL

Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

- Pengguna boleh meminjam buku mengikut syarat dan tatacara yang ditetapkan - <https://bit.ly/pinjamanbuku>
- Library eResources (Pangkalan Data Atas Talian, eBooks, eJournal, Institutional Repository, Electronic Question Paper System) melalui pautan <https://library.uitm.edu.my>
- Program Pendidikan Pengguna dan aktiviti konsultasi penyelidikan secara atas talian
- Perkhidmatan konsultasi rujukan melalui Chat with Librarian
- Web Based Integrated Library System (WILS) – online renewal, Inter Library Loan (ILL) Cadangan bahan perpustakaan, status pinjaman/pemulangan dan sebagainya.

MAKLUMAN UNTUK ANDA

SEPANJANG TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DILAKSANAKAN SEPENUHNYA SECARA ATAS TALIAN MELALUI

Maklumat Perkhidmatan Perpustakaan Sepanjang Tempoh PKP

Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

- Pengguna boleh meminjam buku mengikut syarat dan tatacara yang ditetapkan - <https://bit.ly/pinjamanbuku>
- Library eResources (Pangkalan Data Atas Talian, eBooks, eJournal, Institutional Repository, Electronic Question Paper System) melalui pautan <https://library.uitm.edu.my>
- Program Pendidikan Pengguna dan aktiviti konsultasi penyelidikan secara atas talian
- Perkhidmatan konsultasi rujukan melalui Chat with Librarian
- Web Based Integrated Library System (WILS) – online renewal, Inter Library Loan (ILL) Cadangan bahan perpustakaan, status pinjaman/pemulangan dan sebagainya.



STAY CONNECTED



Upcoming WEBINAR SERIES ON INFORMATION LITERACY SKILLS

18 JUNE 2021 (FRIDAY) | 10:30 AM

Advance Literature Search using Scopus (LSC 200)

MR. MOHD HAZRIL BIN MOHD HUSSIN
SENIOR LIBRARIAN

Webinar Series On Information Literacy Skills

PUBLICATION ETHICS & PUBLISHING TOOLS (LSA 400)

MR SYAIFUL HISHAM SALEH
LIBRARIAN

28 JUNE 2021 (MONDAY) | 10:30 AM

Reference Management using EndNote 20


MR MUHAMMAD ZAIDI BIN DARSHAN
SENIOR LIBRARIAN

Upcoming WEBINAR SERIES ON INFORMATION LITERACY SKILLS

18 JUNE 2021 (FRIDAY) | 10:30 AM

Advance Literature search using Scopus (LSC 200)

MR. MOHD HAZRIL BIN MOHD HUSSIN
SENIOR LIBRARIAN



SCAN ME
PASSWORD: Mkhazr@7444

22 JUNE 2021 (TUESDAY) | 10:30 AM

Advance Literature Search Using WOS (LSC 201)

MRS SITI NORAH BINTI MOHAMAD Yusof
SENIOR LIBRARIAN




SCAN ME
PASSWORD: Mkhazr@7444

23 JUNE 2021 (WEDNESDAY) | 10:30 AM

PUBLICATION ETHICS & PUBLISHING TOOLS (LSA 400)

MR SYAIFUL HISHAM SALEH
LIBRARIAN




SCAN ME
PASSWORD: Mkhazr@7444

28 JUNE 2021 (MONDAY) | 10:30 AM

Reference Management using EndNote 20

MR MUHAMMAD ZAIDI BIN DARSHAN
SENIOR LIBRARIAN



SCAN ME
PASSWORD: Mkhazr@7444





**ENCIK AHMAD
NAZRI BIN JAAFAR**

Emel: ahmad173@uitm.edu.my

KELULUSAN:

Ijazah Sarjana Muda (K) Pengajian Maklumat - Pengurusan Sistem Maklumat

SEJARAH TEMPAT/BAHAGIAN/UNIT BERKHIDMAT:

2001 - 2006: Unit Penyelenggaraan Perisian dan Perkakasan, Bahagian Automasi dan Teknologi Maklumat, PTAR 1

2007: Bahagian Pengurusan Pelanggan dan Koleksi, PTAR 1

2008 - 2012: Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat, PTAR 1

2012 - 2015: Unit Rujukan dan Unit Sistem dan Teknologi Maklumat, PTAR Kejuruteraan

2016 - 2017: PTAR Alam Bina

2018 - 2020: Unit Pemprosesan Teknikal, Bahagian Pembangunan Sumber Bahan, PTAR Utama

2020 - KINI: Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin

KENALI PUSTAKAWAN

ANDA

Apakah Peranan Pustakawan?

Jabatan Arkib Universiti, Perpustakaan Tun Abdul Razak dan Unit Arkib UiTM Cawangan bertanggungjawab bagi perolehan rekod penting universiti yang bernilai, selaras dengan Dasar Penilaian dan Perolehan Rekod Awam Arkib Negara Malaysia. Pada pandangan tuan, apakah peranan Pustakawan dalam memastikan rekod-rekod ini terpelihara dan boleh dijadikan rujukan pada masa akan datang?

“

Pustakawan perlu memastikan bahan-bahan atau dokumen-dokumen penting perlu dipelihara dengan baik dan dijaga dengan sempurna. Kita tidak mahu dimasa akan datang apabila dokumen itu diperlukan untuk menjaga kepentingan negara, dokumen tersebut hilang. Jadi, sebagai pustakawan kita perlu pastikan dokumen-dokumen bersejarah ini perlu dijaga dengan sebaiknya.

Sedikit perkongsian kepakaran melalui pengalaman beliau:

1. Saya telah ditugaskan untuk membangunkan makmal komputer (pusat IT) dari '0'. Disini saya telah banyak belajar berkenaan pendawaian elektrik, spesifikasi dan rekabentuk makmal sebenar dan banyak lagi berkaitan dengan makmal komputer termasuk sistem yang mengawal komputer melalui satu komputer sahaja.
2. Di bahagian ini juga saya telah berpeluang membuat penyelidikan berkenaan sistem-sistem yang akan diguna pakai dan memberi cadangan kepada pengurusan PTAR termasuk sistem 'Open source'. Saya juga sempat mengenali 'ethical hacking' dan 'non-ethical hacking'.
3. Saya juga diberi peluang bersama-sama pasukan PFI PTAR untuk membangunkan Perpustakaan di Kampus PFI.
4. Pernah diberi peluang untuk mengajar berkenaan asas sistem rangkaian kepada staf Perpustakaan UiTM Shah Alam dan Perpustakaan UiTM Sarawak
5. Pernah mengajar Macromedia Flash, OpenOffice (LibreOffice), MsOffice selain dari Kelas Kemahiran Maklumat kepada pelajar.
6. Pada 2010, saya membentangkan hasil kerja KIK di Hyderabad, India bersama pasukan eWave

KENALI PUSTAKAWAN

ANDA





**PUAN WAN NORIZAN
BINTI WAN MANSOR**

Emel: wanno899@uitm.edu.my

KELULUSAN:

- 1) *Diploma in Library Science, ITM (1990)*
- 2) *Sarjana Pengurusan Maklumat, UiTM (2001)*

SEJARAH TEMPAT/BAHAGIAN/UNIT BERKHIDMAT:

OKTOBER 1993 - APRIL 1997: Perpustakaan, ITM Cawangan Terengganu

MEI 1997 - NOVEMBER 2011: Perpustakaan KPP/PPP/INTEC

DISEMBER 2011 - DISEMBER 2016: Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam

JANUARI 2017 - 2021: Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

KENALI PUSTAKAWAN

ANDA

50

Apakah Peranan Pustakawan?

Jabatan Arkib Universiti, Perpustakaan Tun Abdul Razak dan Unit Arkib UITM Cawangan bertanggungjawab bagi perolehan rekod penting universiti yang bernilai, selaras dengan Dasar Penilaian dan Perolehan Rekod Awam Arkib Negara Malaysia. Pada pandangan puan, apakah peranan Pustakawan dalam memastikan rekod-rekod ini terpelihara dan boleh dijadikan rujukan pada masa akan datang?

“

Pengurusan Rekod adalah pengurusan yang bertanggungjawab bagi mengadakan kawalan secara efisien dan sistematik merangkumi pewujudan, penggunaan, penyelenggaraan dan pelupusan rekod. Rekod-rekod penting yang mempunyai nilai sejarah harus dipelihara dari sebarang kerosakan atau kemusnahan kerana ia merupakan memori institusi yang akan menjadi memori negara kelak. Sehubungan itu, pustakawan sebagai pengurus rekod harus memainkan peranan untuk memastikan rekod terpelihara di masa akan datang dengan:

1. Memastikan rekod diwujudkan, diselenggara dan dilupuskan mengikut dasar, prosedur dan standard yang ditetapkan.
 2. Memantau penjagaan dan penyimpanan setiap rekod di jabatan supaya selamat dan terpelihara mengikut piawaian dan prosedur yang ditetapkan seperti di Bilik Fail dan Bilik Rekod.
 3. Memastikan aktiviti pelupusan rekod tidak aktif bagi tujuan pemusnahan
- Pengurusan rekod yang baik akan dapat meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan dalam sesebuah organisasi. Tambahan juga rekod penting diperlukan sebagai rujukan dalam membuat keputusan dan tindakan yang diambil dalam sesebuah organisasi.

Sedikit perkongsian kepakaran melalui pengalaman beliau:


Sepanjang berkhidmat, pengalaman bertugas sebagai Pustakawan Katalog selama lebih 18 tahun adalah pengalaman yang menarik kerana telah menyaksikan pelbagai perubahan dan penambahbaikan dalam proses kerja Pengkatalogan dan Pengkelasan. Bermula daripada penggunaan kad katalog secara manual untuk pengkatalogan bahan hingga kepada penggunaan sistem Perpustakaan. Pengkatalogan bahan-bahan Perpustakaan masakini membolehkan pencarian bahan dilakukan terus menerusi OPAC (Online Public Access Catalog) bagi menggantikan kad katalog manual. Perubahan teknologi dan pendigitalan bahan juga telah membawa kepada penggunaan pengkatalogan secara atas talian, penggunaan QR Code dan sistem RFID. Malah standard pembinaan rekod katalog juga telah berubah daripada AACR2 (Anglo American Cataloguing Rules 2nd rev. ed) kepada RDA (Resource Description and Access) standard pengkatalogan untuk persekitaran digital. Proses pengkatalogan ini yang merupakan kerja-kerja teknikal di belakang tabir, namun ia adalah proses penting yang merujuk kepada kewujudan rekod-rekod bibliografi bahan dan koleksi dalam sesebuah Perpustakaan.

KENALI PUSTAKAWAN

ANDA



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Komunikasi Korporat,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.

No. Tel: 03-5544 3731



UiTM *di hatiku*

PTAR
“LIBRARY for ALL”